


Candidate Name: \_\_\_\_\_

--	--



---

## 2017 Promotional Examination 2 Pre-university 2

**MALAY LANGUAGE****8622/1**  
(Part 1)

Paper 1 (Part 1)

**29 Aug 2017****3 hours**  
(Total Time for Part 1 and Part 2)Additional Materials: Writing Paper  
String

---

### ARAHAN UNTUK CALON

1. Kertas ini tercetak dalam dua bahagian yang berasingan: Bahagian 1 dan Bahagian 2.
2. Semua jawapan hendaklah ditulis pada kertas jawapan yang diberikan.
3. PENGGUNAAN KAMUS
  - a. Bahagian 1 (Karangan: Soalan 1-4): Kamus yang diluluskan boleh digunakan bagi bahagian ini. Tulis nama kamus yang digunakan itu di sudut atas sebelah kanan kertas jawapan kamu.  
  
Masa yang diperuntukkan bagi penggunaan kamus: 1 jam 30 minit.
  - b. Bahagian 2 (Soalan 1-25): Kamu tidak dibenarkan menggunakan kamus.
4. Tuliskan nama, kelas dan nombor indeks pada halaman muka ini dan setiap kertas jawapan yang digunakan.
5. Baca arahan yang diberikan bagi setiap bahagian dengan teliti dan jawab soalan seperti yang diarahkan.

**BAHAGIAN 1 (60 markah)**

**Arahan:** Jawab **satu** daripada soalan-soalan yang berikut. Panjang karangan kamu itu hendaklah tidak kurang daripada 380 patah perkataan. Tulis nombor soalan yang telah kamu pilih.

**1** Masyarakat harus tahu tentang berita yang berlaku di sekitar mereka. Sejauh manakah kamu bersetuju dengan pernyataan itu?

**2** Kamu telah mengatakan sesuatu yang tidak disengajakan akibat terlalu marah. Kekesalan yang diluahkan tidak mampu meredakan ketegangan yang timbul akibat tindakan kamu itu. Ceritakan usaha kamu meredakan ketegangan itu dan jelaskan pengajaran yang kamu peroleh.

**3** Kemewahan material akan menjamin ketenangan. Komen.

- 4 Berdasarkan rangsangan grafik yang diberikan, tulis sebuah karangan yang bertajuk 'Adakah Singapura sudah bersedia?'




**SELESAI**

Class Adm No

Candidate Name: \_\_\_\_\_

--	--



---

## 2017 Promotional Examination 2 Pre-university 2

**MALAY LANGUAGE**

**8622/1**  
(Part 2)

Paper 1 (Part 2)

**29 Aug 2017**

**3 hours**  
(Total Time for Part 1 and Part 2)

Additional Materials: Writing Paper  
String

---

### **ARAHAN UNTUK CALON**

Sila lihat arahan yang terdapat dalam Bahagian 1.

**BLANK PAGE**

**BAHAGIAN 2 (80 markah)**

**ARAHAN:** Jawab SEMUA soalan.

**BAHAGIAN A****Soalan A1 (10 markah)**

**(Soalan 1-5)**

**Arahan:** Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat 5 patah perkataan yang memerlukan imbuhan. Kenal pasti perkataan itu dan bubuh imbuhan yang sesuai. Kemudian, tulis jawapan kamu mengikut susunan perkataan dalam petikan karangan pada kertas jawapan yang disediakan.

Singapura akan dapat mengekalkan persaingannya di pentas dunia kalau rakyatnya dapat menerima dan menerapkan pendekatan baharu 'belajar semasa bekerja'. Pendekatan ini perlu memandangkan ekonomi global berada dalam keadaan tidak menentu seiring kemelut teknologi yang terus puncak ke tahap yang membimbangkan. Alih itu bermakna syarikat, institut pengajian tinggi dan individu perlu mengubah tabiat dan amalan mereka dengan segera. Setiap individu harus sedar tentang peranan yang wajib dipikul demi juang kecemerlangan ekonomi negara. Lain memperkasa kemahiran yang berkaitan dengan industri mereka, individu juga harus mempelajari kemahiran umum. Pembelajaran tidak perlu berlaku hanya di bilik darjah. Malah, ia boleh berlaku dalam talian atau melalui latihan di dalam dan di luar negara. Pendek kata, setiap pekerja harus bersedia belajar sepanjang hayat melalui pengalaman bekerja yang selang latihan amali yang intensif. Apa yang diperlukan oleh Singapura ialah sebuah tenaga buruh yang proaktif, berani mengambil risiko dan gigih belajar daripada kesilapan.

*Dipetik dan diubah suai daripada 'Belajar semasa kerja' agar ikuti teknologi, tingkat kemampuan', Berita Harian, 4 Ogos 2017*

(lihat halaman sebelah)

**SOALAN A2 (10 markah)**

**Arahan:** Pilih peribahasa yang sesuai bagi situasi yang diberikan. Kemudian, tulis huruf jawapan pilihan kamu pada kertas jawapan yang disediakan.

- (A) padi setangkai bernas semuanya
- (B) menaburkan benih di tanah yang subur
- (C) ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni
- (D) akal tak sekali datang, runding tak sekali tiba
- (E) meski tertimbun dalam tanah, namun teras timbul juga
- (F) ada padi semua kerja jadi, ada beras semua kerja deras
- (G) bukannya diam penggali berkarat, melainkan diam ubi berisi
- (H) ular dipukul biar mati, kayu pemukul jangan patah, tanah dipalu jangan lembang

- 6** Kesukaran hidup yang masih terus membelenggu Aziz hadapi tidak pernah menghambat keinginannya untuk memberikan pertolongan kepada sesiapa sahaja yang memerlukan, terutama sekali kepada badan-badan kebajikan yang sentiasa memerlukan sukarelawan.
- 7** Fatimah tidak cemas apabila menerima berita tentang kejatuhan nilai saham yang diperdagangkan oleh syarikatnya secara mendadak. Sebaliknya, dia menyelaraskan beberapa mesyuarat dengan segera untuk membincangkan punca kejatuhan tersebut berdasarkan maklumat yang sah. Dia juga melakarkan dan mengusahakan beberapa langkah susulan untuk menangani kejatuhan tersebut sehingga berjaya meredakan keadaan panik dalam kalangan pemilik saham.
- 8** Shaikah mengakui bahawa kejayaannya dalam sukan tinju tidak akan datang bergolek sekiranya dia tidak berlatih dengan bersungguh-sungguh secara konsisten, walaupun dia berbakat seorang ahli tinju negara.
- 9** Rudy tahu bahawa Shikin sedang berdepan dengan masalah kewangan yang rumit setelah membuat pinjaman daripada pemiutang haram. Rudy berusaha untuk meringankan beban Shikin dengan memberikan apa sahaja bantuan yang dimampuinnya. Syikin amat terharu dan berjanji akan melakukan apa sahaja untuk membalas jasa baik Rudy.
- 10** Walaupun Fitri seorang yang pendiam, guru-gurunya tahu bahawa dia mampu mengikuti pelajaran tanpa masalah. Namun, adik kembarnya Fitriah yang juga seringkali mendiamkan diri semasa di kelas berkelakuan demikian kerana gagal memahami apa yang diajarkan oleh guru.

**BAHAGIAN B (20 markah)**

**Arahan:** Pilih perkataan yang paling sesuai daripada perkataan-perkataan yang diberikan dalam kurungan bagi melengkapkan jalan ceritanya. Kemudian, tulis jawapan pilihan kamu pada kertas jawapan yang disediakan.

**BERITA  
SATU****BERITA  
SATU****JIRAN ASAS PEMBINAAN MASYARAKAT HARMONI**

Benarkah nilai kejiranan dalam kalangan masyarakat hari ini semakin luntur? Itulah realiti yang sedang berlaku di sesetengah kawasan kediaman di sini. (11) \_\_\_\_\_ (**Sebahagian, Sebagai, Seperti, Seumpama**) penduduk di kawasan-kawasan kediaman tersebut, memang wajarlah masyarakat (12) \_\_\_\_\_ (**menyegarkan, menghasilkan, membelai, memupuk**) nilai kejiranan yang positif dan membajainya dengan rasa hormat agar hubungan antara anggota dapat dijalinan demi memudahkan proses penyatupaduan masyarakat. Hubungan yang (13) \_\_\_\_\_ (**erat, tegang, ketat, kendur**) dengan masyarakat sekeliling akan mewujudkan kesan yang positif dalam usaha melahirkan masyarakat Singapura yang aman damai. Setiap anggota perlu (14) \_\_\_\_\_ (**disediakan, tersedia, bersedia, menyediakan**) untuk berhadapan dengan orang-orang yang berlainan agama dan kepercayaan, cara hidup, taraf sosioekonomi dan latar belakang pendidikannya. (15) \_\_\_\_\_ (**Lantaran, Kendatipun, Namun, Bahkan**), masyarakat juga harus akur bahawa usaha sedemikian bukanlah usaha yang mudah kerana masih ada segelintir masyarakat yang terlalu menjaga privasi dalam kehidupan mereka. Golongan ini tidak memerlukan bantuan sesiapa dan seringkali menutup pintu rumah untuk (16) \_\_\_\_\_ (**mengelakkan, membiarkan, mengetepikan, menghilangkan**) sebarang 'gangguan'. Perkara seperti ini perlu (17) \_\_\_\_\_ (**dusir, dibendung, ditahan, diburu**) kerana golongan yang kecil ini akan menjadi duri dalam daging yang akan menggagalkan usaha untuk mengekalkan keharmonian masyarakat di sesebuah kawasan kejiranan. Seseorang perlu bijak mencari (18) \_\_\_\_\_ (**akal, arah, budi, peluang**) bagi mendekati mereka. Salah satu cara adalah dengan bertegur sapa. Jika peluang untuk berbual-bual panjang atau beramah mesra terhadap, (19) \_\_\_\_\_ (**dahulukan, mulakan, mengakhiri, memadai,**) dengan bertanyakan khabar atau mengucapkan selamat. Selain itu, dalam etika kejiranan, masyarakat tidak harus melakukan perkara yang boleh (20) \_\_\_\_\_ (**menghakis, menggores, menebang, menoreh**) perasaan jiran tetangga. Hak jiran harus dihormati. Jika masyarakat berjaya mengamalkan cara hidup berjiran dengan baik, hasrat pemerintah untuk melahirkan masyarakat Singapura yang inklusif di bawah payung perpaduan akan tercapai.

(lihat halaman sebelah)



### BAHAGIAN C (40 markah)

**Arahan:** Baca petikan di bawah ini dengan teliti.

#### BERFIKIR TUNTUTAN KECEMERLANGAN OLEH LOKMAN ISMAIL

Perbezaan antara manusia dengan haiwan ialah manusia memiliki akal. Akal berada dalam dua bentuk. Akal dalam bentuk otak tidak ada bezanya daripada akal yang dimiliki oleh haiwan yang berfungsi mengkoordinasi organ badan, selain memberikan tindak balas spontan berdasarkan kebiasaan. Fungsi terpenting akal adalah dalam bentuk fikiran. Fikiran membenarkan manusia berfikir semasa melakukan pelbagai perkara untuk mencapai matlamat tertentu. Proses ini merupakan satu aktiviti psikologi yang digunakan untuk menyelesaikan sebarang masalah.

Berfikir memerlukan gerakan minda untuk mencetuskan sesuatu perkara yang baharu dalam fikiran. Sudah tentu kekuatan atau daya diperlukan untuk menghasilkan keputusan. Kemahiran juga penting untuk **menjanakan** proses berfikir. Kemahiran ini boleh diasah melalui perbuatan menyusun maklumat, konsep atau idea secara sistematik sebelum seseorang membuat kesimpulan yang tepat sebelum bertindak. John Dewey, seorang ahli falsafah daripada Amerika Syarikat menegaskan bahawa pemikiran hanya mampu dihasilkan sekiranya terdapat situasi yang meragukan atau timbulnya sesuatu masalah. Kedua-dua keadaan itu akan menggesa akal untuk mencari makna dan **penyelesaian** dalam apa sahaja bentuk.

Namun, prinsip berfikir yang diterapkan secara sengaja dalam proses berfikir menjadi kayu ukur kualiti sesebuah fikiran. Seseorang yang memiliki sikap positif semasa berfikir dan berusaha mengelakkan sikap negatif didapati menikmati tahap pemikiran yang baik. Si pemikir perlu sentiasa mengikis sikap ego.

Prinsip ini juga menekankan penggunaan pelbagai kemahiran berfikir untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan. Seseorang harus sentiasa bertanya kepada diri sendiri sepanjang proses berfikir. Mereka harus menilai keberkesanan

proses berfikir serta **mengambil kira** emosi orang lain tatkala berfikir.

Tambahan lagi, seseorang digalakkan untuk meneliti alternatif lain sebelum membuat keputusan. Setiap idea mesti dilihat secara global supaya perincian yang digunakan selari dengan skop yang sebenar.

Minda yang hebat mampu melahirkan manusia yang **terserlah** berbanding orang lain. Mereka mampu membawa perubahan di atas muka bumi bukan sahaja untuk dirinya malah untuk manusia sejagat. Ironinya, ramai juga yang meniasia-kan kekuatan minda. Mereka merasakan bahawa apa-apa sahaja yang dilakukan sudah cukup hebat dan tidak mampu lagi melakukan lebih daripada itu.



Tony Buzan berkata dalam bukunya *Make The Most Of Your Mind*, "Otak ibarat raksasa yang sedang tidur." Otak tidak pernah ada halangan untuk berfikir biarpun telah digunakan pada tahap 'maksimum'. Hakikatnya, semakin kerap digunakan, semakin luas dan kuat kemampuannya.

Oleh itu amat rugilah sekiranya ada yang mengungkapkan dirinya malas untuk berfikir. Otak dapat diumpamakan seperti logam yang harus digilap sebelum bersinar. Proses menggilap otak adalah dengan membanyakkan berfikir.

Malangnya, ada manusia yang menggunakan otak untuk melakukan kejahatan. Mereka cekap menggunakan akal untuk tujuan menipu demi mendapatkan sesuatu yang bukan milik mereka. Mereka menampilkan diri sebagai orang baik sedangkan perlakuan mereka penuh kepalsuan.

**Arahan:** Berdasarkan petikan di halaman 6, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu pada kertas jawapan yang disediakan.

**21** Berdasarkan petikan yang telah diteliti, huraikan peranan akal yang dianugerahkan kepada manusia.  
(6 markah)

**22** Manusia menggunakan banyak waktu untuk berfikir. Menurut penulis, apakah faktor-faktor yang perlu ada sebelum seseorang itu boleh berfikir?  
(6 markah)

**23 (i)** Kualiti sesebuah pemikiran bergantung pada penerapan prinsip pemikiran. Jelaskan.  
(6 markah)

**23 (ii)** Nukil ayat yang menunjukkan bahawa ada sesetengah orang yang tidak sedar akan kuasa minda yang dimilikinya.  
(2 markah)

**24** Terangkan maksud perkataan/frasa yang berikut mengikut konteks petikan yang diberikan.  
(8 markah)

- (i) menjanakan
- (ii) penyelesaian
- (iii) mengambil kira
- (iv) terserlah

**25** Berdasarkan petikan di halaman 6, ringkaskan perenggan **enam, tujuh, lapan dan sembilan** dengan menggunakan tidak lebih daripada 50 patah perkataan.  
(12 markah)

**SELESAI**

**INSTITUT MILLENNIA**  
**2017 PROMOTIONAL EXAMINATION 2**  
**PU2 H1 ML KERTAS 1 BAHAGIAN 2**  
**SKEMA JAWAPAN**

<b>SOALAN A1</b>		<b>(2 markah x 5)</b>
1. puncak	-	memuncak
2. Alih	-	Peralihan
3. juang	-	memperjuangkan
4. Lain	-	Selain
5. selang	-	diselangi
<b>SOALAN A2</b>		<b>(2 markah x 5)</b>
6. E		Meski tertimbun dalam tanah, namun teras timbul juga
7. H		Ular dipukul biar mati, kayu pemukul jangan patah, tanah dipalu jangan lembang
8. D		Akal tak sekali datang, runding tak sekali tiba
9. B		Menaburkan benih di tanah yang subur
10. G		Bukannya diam penggali berkarat, melainkan diam ubi berisi
<b>BAHAGIAN B</b>		<b>(2 markah x 10)</b>
11. Sebagai		
12. memupuk		
13. erat		
14. bersedia		
15. Bahkan		
16. mengelakkan		
17. dibendung		
18. akal		
19. memadai		
20. menggores		

**BAHAGIAN C (40 markah)**

<b>21</b>	<b>Berdasarkan petikan yang telah diteliti, huraikan peranan akal yang dianugerahkan kepada manusia. (6 markah)</b>	
<b>Isi 1</b>	mengkoordinasi organ badan.	2 markah
<b>Isi 2</b>	memberikan tindak balas spontan berdasarkan kebiasaan.	2 markah
<b>Isi 3</b>	membenarkan manusia berfikir semasa melakukan pelbagai perkara untuk mencapai matlamat tertentu.	2 markah
<b>22</b>	<b>Manusia menggunakan banyak waktu untuk berfikir. Menurut penulis, apakah faktor-faktor yang perlu ada sebelum seseorang itu boleh berfikir? (6 markah)</b>	
<b>Isi 1</b>	Faktor pertama ialah <b>gerakan minda yang memerlukan kekuatan atau daya untuk mencetuskan sesuatu perkara yang baharu dalam fikiran.</b>	2 markah
<b>Isi 2</b>	Faktor kedua ialah <b>kemahiran (untuk menjana proses berfikir) yang boleh diasah melalui perbuatan menyusun maklumat, konsep atau idea secara sistematik</b> sebelum seseorang membuat kesimpulan yang tepat sebelum bertindak.	2 markah
<b>Isi 3</b>	Faktor ketiga ialah <b>adanya situasi yang meragukan atau timbulnya sesuatu masalah yang akan menggesa akal untuk mencari makna dan penyelesaian dalam apa sahaja bentuk.</b>	2 markah

<b>23i) Kualiti sesebuah pemikiran bergantung pada penerapan prinsip pemikiran. Jelaskan. (6 markah)</b>		
<b>Isi 1</b>	<b>Prinsip pemikiran yang pertama ialah sikap positif semasa berfikir;</b> dia berusaha mengelakkan sikap negatif untuk menikmati tahap pemikiran yang baik. Si pemikir perlu sentiasa mengikis sikap ego.	2 markah
<b>Isi 2</b>	<b>Prinsip pemikiran yang kedua ialah penggunaan pelbagai kemahiran berfikir untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan.</b> Seseorang harus sentiasa bertanya kepada diri sendiri sepanjang proses berfikir. Mereka harus menilai keberkesanan proses berfikir serta mengambil kira emosi orang lain tatkala berfikir.	2 markah
<b>Isi 3</b>	<b>Prinsip pemikiran yang ketiga ialah penelitian alternatif lain sebelum membuat keputusan.</b> Setiap idea mesti dilihat secara global supaya perincian yang digunakan selari dengan skop yang sebenar.	2 markah

<b>23ii) Nukil ayat yang menunjukkan bahawa ada sesetengah orang yang tidak sedar akan kuasa minda yang dimilikinya. (2 markah)</b>		
	Mereka merasakan bahawa apa-apa sahaja yang dilakukan sudah cukup hebat dan tidak mampu lagi melakukan lebih daripada itu.	2 markah

24. Terangkan maksud perkataan-perkataan berikut menurut konteks petikan karangan yang diberikan:

(i)	menjana	menghasilkan	2 markah
(ii)	penyelesaian	perbuatan menyiapkan/menyudahkan sesuatu	2 markah
(iii)	mengambil kira	mempertimbangkan, memperhitungkan	2 markah
(iv)	terserlah	menonjol	2 markah

25. Berdasarkan petikan di halaman 6, ringkaskan perenggan **enam, tujuh, lapan dan sembilan** dengan menggunakan tidak lebih daripada 50 patah perkataan.

Isi	4 isi yang lengkap (ada isi utama dan isi sampingan)	8 markah
Bahasa	Ayat-ayat yang dihasilkan menimbulkan kesatuan idea.	4 markah

	<b>ISI UTAMA</b>	<b>ISI SAMPINGAN</b>
<b>6.</b>	Minda yang hebat mampu melahirkan manusia yang terserlah	(yang) mampu membawa perubahan di atas muka bumi
<b>7.</b>	Otak tidak pernah ada halangan untuk berfikir	biarpun telah digunakan pada tahap 'maksimum'.
<b>8.</b>	Seseorang perlu membanyakkan berfikir	agar bersinar.
<b>9.</b>	Ada manusia yang menggunakan otak untuk melakukan kejahatan.	untuk mendapatkan sesuatu yang bukan milik mereka.

Perhatian;

1. Setiap isi yang lengkap (isi utama + isi sampingan) diberikan 2 markah.
2. Sekiranya isi utama diberikan tanpa isi sampingan (bagi setiap set), diberikan 1 markah.
3. Sekiranya isi sampingan diberikan tanpa isi utama, tiada markah diberikan.